

12/12/1998

Tanzania mahu kongsi pengalaman Malaysia

KUALA LUMPUR, Jumaat - Tanzania yang sedang melalui proses perubahan pasaran berminat berkongsi pengalaman Malaysia dalam melaksanakan projek penswastaan bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara itu.

Timbalan Ketua Setiausaha Satu Kementerian Luar, Datuk Ghazzali Sheikh Abdul Khalid, berkata Tanzania sudah memulakan langkah mempelbagai kegiatan ekonomi, termasuk projek penswastaan tetapi masih mahu belajar dari Malaysia.

"Kerajaan Tanzania mahu berkongsi pengalaman Malaysia, terutama bagaimana negara masih bertahan serta mampu menentukan hala tuju pembangunan ekonomi Malaysia.

"Penjelasan itu penting kerana Tanzania bimbang konsep penswastaan akan hanya menyebabkan kerajaan mempunyai suara yang terhad dalam menentukan hala tuju ekonominya," katanya selepas pemimpin kedua negara, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Tanzania, Benjamin William Mkapa mengadakan mesyuarat delegasi di sini, hari ini.

Mengikut perangkaan 1997, nilai eksport Malaysia ke Tanzania mencapai RM84 juta, manakala import sebanyak RM40 juta.

Pelaburan syarikat Malaysia di Tanzania keseluruhannya mencapai RM468 juta.

Antara syarikat tempatan yang melabur di negara itu ialah Celcom Tritel yang kini mengendalikan perkhidmatan selular dengan jumlah pelanggan 11,700 orang dan Golden Plantations.

Ghazzali berkata, kedua-dua negara juga bersetuju meningkatkan hubungan antara negara Selatan-Selatan.

Selain itu, katanya, Malaysia juga berminat meningkatkan pasaran kenderaan tempatan keluaran Proton di Tanzania selepas mendapati adanya potensi pasaran.

"Tanzania juga mempelawa pelabur tempatan mencari potensi perdagangan di negara itu, terutama dalam bidang pertanian dan pengeluaran bahan asli," katanya.

Mengenai projek Independent Power Tanzania Limited (IPTL), Ghazzali berkata pembinaan stesen jana kuasa itu sudah siap September lalu.

"Bagaimanapun, masih ada perbincangan dalam beberapa aspek berhubung projek berkenaan," katanya.

Sebelum ini agensi berita asing melaporkan, Tanzania meminta bantuan pendamai antarabangsa untuk menangani masalah projek jana kuasa yang diusahakan secara usaha sama dengan pelabur Malaysia.

AFP sebelum ini memetik Menteri Tenaga Tanzania, Abdallah Kigoda, sebagai berkata IPTL dengan 70 peratus sahamnya dimiliki pelabur Malaysia, sengaja menaikkan kos projek itu.

Kigoda dilaporkan berkata, beliau mengarahkan syarikat milik kerajaan, Tanzania Electric Supply Company yang menyertai usaha sama dengan IPTL, mendapatkan bantuan International Centre for the Settlement of Investment Disputes yang beribu pejabat di New York.

(END)